

### Minggu Pertama: Berdoa untuk keharmonian antara kaum

1. Bahawa polisi Kerajaan akan meningkatkan keharmonian antara kaum dan bukannya membahagikan mereka.
2. Bahawa Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan menggalakkan keharmonian antara kaum.
3. Bahawa ahli-ahli politik dan pemimpin akan menahan diri daripada mengatakan atau melakukan perkara-perkara atau tindakan yang akan menyebabkan ketegangan kaum.
4. Bahawa ahli-ahli politik tidak akan menggunakan isu perkauman untuk meningkatkan populariti mereka.
5. Rakyat Malaysia akan menghormati antara satu sama tanpa mengira fahaman kaum atau agama.
6. Kerajaan akan ikhlas dan serius dalam menangani isu-isu yang cenderung untuk menyebabkan ketegangan kaum.

### Minggu Kedua: Berdoa untuk Pendidikan di Malaysia

1. Berdoa agar Menteri Pendidikan Malaysia dan Pasukan penggubal dasar pendidikan bersifat professional dalam pembentukan dan pelaksanakannya. Dasar-dasar Pendidikan yang digubal adalah adil dan telus dan akan melahirkan generasi baru yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan berwatak baik .
2. Berdoa agar Pemimpin Pendidik serta Guru-Guru beribadah dalam profesion dan melaksanakan dasar-dasar pendidikan dengan penuh dedikasi.
3. Berdoa semua Guru Kristian akan menyahut Panggilan Allah Bapa untuk menaburkan kasih sayang, kebahagiaan dan harapan kepada pelajar. Mereka akan mmemberita injil dan berkongsi firman Tuhan.
4. Berdoa agar ramai Pemuda-pemudi Kristian akan memohon kemasukan Kursus Latihan perguruan untuk melengkapkan diri menjadi Guru terlatih.

### Minggu Ketiga: Berdoa untuk Pilihan raya Sarawak

1. Berdoa untuk Hadirat Tuhan yang akan dialami di negeri ini. (Mazmur 16:11; 2 Kor 3:17).
2. Berdoa untuk gereja untuk melihat keperluan bertaubat daripada dosa-dosa peribadi dan negara sebab takut akan Tuhan (2 Tawarikh 7:14; 1 Yohanes 1: 9; Ams 9:10.).
3. Berdoa untuk orang yang beriman untuk bersatu dalam doa kepada Allah demi kebaikan kawasan-kawasan perumahan dan komuniti mereka (1 Tim 2: 1-2).
4. Berdoa untuk calon-calon yang saleh yang akan dipilih, tanpa mengira fahaman parti (Mzm 96:10; Maz 1:1-3).
5. Doakan pemerintah, penggubal undang-undang dan hakim-hakim akan berkhidmat dengan cara yang sejajar dengan Firman Tuhan (Mazmur 19: 7-11).
6. Berdoa agar pilihan raya Sarawak berlaku secara adil, jujur, dan tanpa rasuah (Ams. 16:13).
7. Berdoa agar Roh Kudus menyentuh ramai orang yang belum mengenali Kristus agar mencari dan menerima Kristus sebagai Tuhan dan juruselamat mereka(1 Tim 2: 4.).
8. Berdoa untuk perlindungan ilahi atas negeri ini dalam pilihan raya akan datang (Ams 3: 5; Mazmur 91.).
9. Berdoa agar calon yang percaya kepada Kristus secara terbuka dan berani bercakap tentang iman mereka dan berdiri teguh pada prinsip-prinsip alkitabiah mereka (Mat 5: 13-16).
10. Berdoalah bahawa orang Kristian di seluruh negeri Sarawak akan berterusan dalam mencari kehendak Allah bagi Sarawak selepas pilihan raya, dan bahawa Tuhan, dalam belas kasihan-Nya, akan mentransfomasikan kebangkitan umatNya di negeri ini. (Yeh 37; Ps.42: 1).

## Minggu Keempat: Berdoa untuk Gereja

1. Minta Tuhan untuk membawa pengalaman kebangkitan pengkhottbah gereja dan menjadi perintis dalam kebangkitan gereja.
2. Minta Tuhan untuk menolong pengkhottbah mengekalkan hubungan yang erat dengan Allah walaupun sibuk, dan bekerja dengan kekuatan Roh Kudus.
3. Minta Tuhan untuk menolong orang yang beriman mengutamkan Allah dalam hidup mereka, mengingati Tuhan dalam semua perkara, dan menjadi saksi yang baik.
4. Minta Tuhan untuk memimpin gereja menjadi umat yang terang dalam negara dan masyarakat, menerangi sekitarnya, dan bukannya sebuah kubu yang tertutup, tidak memberi kesan.
5. Berdoa untuk gereja di Malaysia agar berkenan di hati Tuhan, setiap pengkhottbah berkenan di hati Tuhan, dan tiap-tiap orang yang beriman juga berkenan di hati Tuhan.